

DEPLATT TABLET

Clopidogrel bisulfate (75mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- Apakah yang ada pada risalah ini**
1. Apakah kegunaan Deplatt
 2. Bagaimana Deplatt berfungsi
 3. Sebelum mengambil Deplatt
 4. Cara menggunakan Deplatt
 5. Semasa menggunakan Deplatt
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Deplatt
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
 10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Deplatt

Anda telah dipreskripsi Deplatt untuk membantu mengelakkan pembekuan darah dan mengurangkan risiko daripada peristiwa-peristiwa yang teruk kerana:

- Anda mempunyai keadaan pengerasan arteri (juga dikenali sebagai aterosklerosis), dan
- Anda sebelum ini telah mengalami serangan jantung, strok atau mempunyai keadaan yang dikenali sebagai penyakit arteri periferal
- Anda telah mengalami sakit dada teruk yang dikenali sebagai 'angina tidak stabil' atau 'infarksi miokardium (serangan jantung). Untuk rawatan keadaan ini doktor anda mungkin telah meletakkan sten dalam arteri tersumbat atau menyempit untuk mengembalikan aliran darah yang berkesan.
- Anda juga perlu diberikan asid asetilsalisilik (bahan yang hadir dalam banyak ubat-ubatan yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam serta untuk mengelakkan pembekuan darah) oleh doktor anda.

Bagaimana Deplatt berfungsi

Deplatt mengandungi Clopidogrel dan tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai produk perubatan antiplatelet. Platelet adalah struktur yang sangat kecil dalam darah yang berkelompok bersama dalam pembekuan darah. Dengan mencegah pengumpalan ini, produk perubatan antiplatelet mengurangkan peluang pembekuan darah daripada terbentuk (proses yang dikenali sebagai trombosis).

Sebelum menggunakan Deplatt

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil Deplatt:

- Jika anda ialah (hipersensitif) terhadap Deplatt atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini.
- Jika anda mengalami keadaan perubatan yang sedang menyebabkan pendarahan seperti ulser perut atau pendarahan dalam otak.
- Jika anda menghidap penyakit hati yang teruk.

Mengandung dan menyusukan anak

- Jangan ambil Deplatt jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Deplatt jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Jika anda berfikir mana-mana di atas berkaitan dengan anda, atau jika anda mempunyai sebarang keraguan sama sekali, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil Deplatt.

- Sebelum mula menggunakan Deplatt

Anda perlu memberitahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai risiko pendarahan seperti:
 - ✓ Keadaan perubatan yang mendedahkan anda kepada risiko pendarahan dalam (seperti ulser perut).
 - ✓ Gangguan darah yang membuatkan anda terdedah kepada pendarahan dalam (pendarahan dalam mana-mana tisu, organ atau sendi badan anda).
 - ✓ Kecederaan serius kebelakangan ini.
 - ✓ Pembedahan baru-baru ini (termasuk pergigian).
 - ✓ Pembedahan yang dirancang (termasuk pergigian)
 - ✓ Mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Deplatt boleh mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- ✓ Ubat yang mencairkan darah. Contoh yang paling biasa termasuk *heparin* dan *warfarin*.

✓ Ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) - ubat yang digunakan untuk merawat artritis, senggugut, kesakitan.

✓ Ubat yang digunakan untuk merawat ulser perut atau penyakit refluks (juga dikenali sebagai pedih ulu hati).

✓ *Phenytoin* - ubat yang digunakan untuk merawat epilepsi.

✓ *Tolbutamide* - ubat yang digunakan untuk merawat kencing manis.

✓ *Tamoxifen* - ubat yang digunakan untuk merawat kanser payudara.

✓ *Fluvastatin* - ubat yang digunakan untuk menurunkan kolesterol.

✓ Ubat yang digunakan untuk menghalang refluks gastrik – perencat pam proton (contohnya *omeprazole*).

Cara menggunakan Deplatt

- Berapa banyak harus digunakan

- Dos biasa Deplatt adalah satu 75 mg tablet setiap hari.
- Dos permulaan bagi sakit dada dan serangan jantung adalah 300 mg dan kemudian 75 mg sekali sehari.

- Bila perlu digunakan

Deplatt hendaklah diambil secara oral dengan atau tanpa makanan, dan pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.
- Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa

DEPLATT TABLET

Clopidogrel bisulfate (75mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

- Simptom berlebihan dos termasuklah muntah, berasa lemah, kesukaran bernafas dan pendarahan gastrousus.

Semasa menggunakan Deplatt

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Deplatt.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda tercedera semasa mengambil Deplatt.
- Beritahu semua doktor anda, doktor gigi, jururawat dan ahli farmasi bahawa anda mengambil Deplatt. Deplatt boleh meningkatkan risiko pendarahan ketika operasi atau kerja-kerja pergigian. Oleh itu, rawatan mungkin perlu dihentikan sebelum pembedahan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Deplatt dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Deplatt boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- Kecederaan akibat kemalangan
- Simptom seperti selesema

- Sakit,
- Keletihan
- Edema (bengkak yang disebabkan oleh lebihan cecair yang terperangkap di dalam tisu badan)
- Darah tinggi
- Sakit kepala
- Loya
- Pening
- Cirit-birit
- Ketidakhadaman
- Demam
- Artralgia (sakit sendi)
- Sakit belakang
- Gatal-gatal
- Sensasi sesemut dan kebas
- Sakit atau ketegangan pada sendi
- Ruam
- Ulser kulit
- Merah atau bintik ungu dilihat melalui kulit anda
- Hidung berdarah
- Masalah hati
- Konjunktivitis
- Masalah dengan koordinasi
- Kegagalan jantung
- Gout
- Jangkitan saluran pernafasan
- Batuk atau kesukaran bernafas
- Sakit abdomen
- Muntah
- Sembelit
- Pengsan
- Denyutan jantung yang pantas, kuat atau tidak teratur
- Keresahan
- Insomnia
- Pendarahan mungkin berlaku di dalam perut atau usus
- Lebam
- Hematoma (pendarahan yang luar biasa atau lebam di bawah kulit)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Deplatt

Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Simpan dibawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Berwarna merah jambu pucat, bulat, tepi serong, tablet bersalut filem dwicembung kosong di kedua-dua belah muka.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Clopidogrel bisulfate

- Bahan tidak aktif

Lactose and MCC

Mannitol

Low substituted Hydroxy-propyl cellulose

Polyethylene Glycol-6000

Hydrogenated castor oil

Magnesium Stearate

Colloidal Silicon Dioxide

Hypromellose 2910

Ferric oxide red

Titanium dioxide

Methylene chloride

Isopropyl alcohol

- Nombor MAL

MAL10043690A

Pengilang

Torrent Pharmaceuticals Ltd.

Indrad 382 721, District: Mehsana INDIA

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd.,

Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara.
50480 Kuala Lumpur Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/11/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)160715/00205